

Headline	Rosmah hadiah baju Melayu, songkok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	8	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	307 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,583
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,748



Rosmah hadiah baju Melayu, songkok

Seremban: Hari kedua Ramadan semalam, menggembarakan remaja orang kurang upaya (OKU), Muhammad Firdaus Dullah, apabila menerima hadiah istimewa iaitu sepasang baju Melayu biru dan songkok.

Walaupun masih belum memaparkan emosinya secara ketara, gerak matanya penuh minat terhadap hadiah itu yang disampaikan Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI), Datin Seri Rosmah Mansor, di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS).

Firdaus yang semakin sihat, kelihatan gembira apabila baju Melayu itu ditunjukkan kepadanya oleh Rosmah yang juga isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Pertemuan 30 minit itu turut dihadiri Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri-Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai-Pegawai Kanan Negeri Sembilan (PEKERTI) yang juga isteri Menteri Besar, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin.

Yang turut hadir Menteri

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Timbalannya, Datin Paduka Chew Mei Fun.

Firdaus ditemui dalam keadaan menyedihkan ketika operasi Jabatan Imigresen di flet Taman Semarak, Nilai, pada 21 Jun lalu. Selain tubuhnya yang kurus kering, keadaan bilik didiaminya sangat kotor, termasuk ada najis dan air kencing kering.

Semakin sihat

Rosmah berkata, keadaan Firdaus kini dilaporkan semakin sihat dan dijangka dibenarkan keluar dari HTJS.

"Keadaan Firdaus semakin sihat, berat badannya juga bertambah. Berdasarkan taklimat doktor yang merawatnya, dia dijangka dibenarkan keluar Jumaat ini atau selewat-lewat minggu depan," katanya selepas lawatan itu.

Beliau berkata, Firdaus akan ditempatkan di Rumah Sinar Harapan Tuanku Am-

puan Najihah di sini, iaitu institusi untuk kanak-kanak kurang upaya akal Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sementara itu, katanya, Tabung Adik Firdaus kini mencecah RM27,000 hasil sumbangan pelbagai pihak termasuk Lembaga Tabung Haji sebanyak RM9,000 manakala BAKTI dan Perdana Menteri, masing-masing menyumbang RM1,000.

"Semua sumbangan dimasukkan dalam akaun Tabung Haji milik remaja itu yang dibuka oleh JKJM."

"Orang ramai yang mahu memberi sumbangan kepada Firdaus boleh memasukkan wang dalam akaun Tabung Haji itu, sekali gus dapat mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan," katanya.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Zailan Adnan, pula memberitahu sejak dimasukkan ke HTJS, pakar pelbagai bidang memeriksa Firdaus, manakala dari segi makanan, remaja itu diberi makanan protein dan karbohidrat yang tinggi.



Rosmah memakaikan songkok kepada Firdaus ketika melawat remaja itu di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban, semalam. Turut serta Rohani dan Raja Salbiah (dua dari kanan). (FOTO BERNAMA)